



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR KESELAMATAN JALAN RAYA NEGERI PULAU PINANG

**PULAU PINANG** – Kementerian Kerja Raya (KKR) sedang melaksanakan Program **Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya** di seluruh Negara yang telah diluluskan pada Rolling Plan 2, RMKe-11 dengan siling peruntukan berjumlah RM241.5Juta dan diteruskan pelaksanaannya dalam RMKe-12.

Bagi Negeri Pulau Pinang, program ini dilaksanakan dengan penyerahan Surat Setuju Terima (SST) oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi kepada kontraktor negeri Pulau Pinang yang berjaya, melibatkan **2 Kerja Pemasangan Lampu Jalan Di Kawasan Kemalangan/Berisiko Kemalangan Akibat Jalan Gelap** dan **7 Lokasi Rawatan Memperelok Lokasi Kerap Berlaku Kemalangan (Blackspot)** dengan kos keseluruhan berjumlah RM2.85 Juta.

Untuk makluman, skop merawat lokasi kerap berlaku kemalangan atau *blackspot* dilaksanakan sebagai satu usaha untuk mengurangkan kemalangan yang disebabkan oleh faktor kejuruteraan jalan. Rawatan *blackspot* ini hanya berskala kecil/jangka pendek dan antara contoh rawatan tersebut ialah pembaikan perabot jalan seperti papan tanda, penghadang jalan, pembaikan tandaan jalan, bebendul jalan, lorong memotong, pembahagi dan pepaku jalan. Bagi tahun 2023, tiga lokasi di Daerah Seberang Perai Utara, dua di Daerah Barat Daya dan dua di Daerah Seberang Perai Selatan telah dikenalpasti dengan kos setiap lokasi bernilai RM350ribu.

Manakala bagi skop pemasangan lampu jalan di kawasan berlaku kemalangan atau berisiko kemalangan, ia dikenal pasti berpunca akibat jalan gelap seperti di persimpangan, selekoh dan jambatan serta kawasan yang mempunyai jumlah kemalangan yang tinggi. Pemasangan lampu jalan akan dibuat secara setempat dan berskala kecil di lokasi yang dikenal pasti. Bagi tahun 2023, sebanyak dua lokasi dikenalpasti di Daerah Seberang Perai Utara yang membawa kos keseluruhan sebanyak RM400ribu iaitu RM200ribu untuk satu lokasi.

Kawasan kerap berlaku kemalangan (*Blackspots*) bermaksud kawasan yang sering berlaku kemalangan sama ada 3 kemalangan sama jenis atau 5 kemalangan dari pelbagai jenis dalam tempoh 3 tahun di lingkungan 100 meter panjang jalan atau 50 meter radius jalan.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**27 JULAI 2023**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur